UUM/SD49/UUM/25.09.2005/p:12 (1)

Anugerah dorongan untuk cemerlang

UUM 25/9/05 12:1

SINTOK 24 Sept. – Dua orang graduan UUM yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja sempena konvokesyen kali ke-18 universiti itu menganggap anugerah yang diterima hari ini sebagai dorongan untuk mencatat kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing pada masa akan datang.

Mereka ialah Suliadi Firdaus Sufahani, graduan Sarjana Muda Sains Pemutusan dengan Kepujian dan Zernil Lurthanathan, graduan Sarjana Muda Sains Pemutusan Dengan Kepujian.

Suliadi, 22 yang berasal dari Pulau Pinang berkata kejayaan hasil usaha gigihnya selama ini adalah bagi mengotakan janji kepada arwah datuknya untuk melihat beliau memperoleh keputusan terbaik dalam pengajian di UUM.

"Saya pernah berjanji pada arwah datuk sebelum ini bahawa saya akan memperoleh keputusan terbaik di UUM," katanya kepada para pemberita ketika ditemui selepas majlis konvokesyen UUM kali ke-18 di sini hari ini.

Suliadi pernah memegang jawatan sebagai Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar, Ahli Jawatankuasa Kelas Pertama, Pengarah Projek Sekolah Angkat di Pulau Pinang dan Ahli Jawatankuasa Kelab Sains Pemutusan.

Zernil, 23 dari Kuala Lumpur pula berkata, kejayaannya itu merupakan hasil usaha gigihnya selama ini yang bukan hanya memberi tumpuan kepada bidang akademik tetapi juga kurikulum dan sukan yang diceburinya di universiti ini.

"Kita kena bijak mengurus-kan masa dan tahu apa yang kita belajar dan berikan tumpuan kepada mana-mana perkara yang penting sahaja," katanya yang minat bersukan dan merupakan salah seorang ahli orkestra UUM.

Selain itu, Ahmad Baharudin, 27 yang menerima anugerah Pingat Emas Canselor sempena konvokesyen tersebut bersyukur dengan kejayaan berkenaan kerana beliau tidak meletakkan sasaran setinggi itu di universiti berkenaan.

"Ini merupakan bonus dan dorongan kepada saya untuk terus melakukan yang terbaik dalam kerjaya saya pada masa depan, saya berharap dengan anugerah ini saya boleh menyumbang bakti dan jasa kepada masyarakat khususnya di Tawau, Sabah, tempat asal saya," katanya.

Beliau yang merupakan graduan Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian itu kini membuka perniagaan dalam bidang makanan di kampung asalnya.